



## SIARAN MEDIA

### Majlis Perasmian Wacana Transformasi Kepimpinan Muda

**Kemaman, 23 April 2014** - Penganjuran Wacana Transformasi Kepimpinan Muda adalah program yang julung kalinya dianjurkan oleh INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM), dan merupakan kesinambungan kepada penganjuran Persidangan Transformasi Kepimpinan Muda yang telah diadakan di INTAN, Bukit Kiara pada bulan Januari lalu. Majlis perasmian wacana dan penyerahan watak *strategic engagement* telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) mewakili Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal. Turut hadir YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan, Timbalan Pengarah Kanan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Objektif wacana ini adalah untuk meluaskan medan perkongsian ilmu dan pengalaman serta memahami konsep kepentingan transformasi dalam kepimpinan muda. Antara pengisian dalam seminar ini ialah pembentangan empat (4) kertas kerja iaitu "Membina Nilai Kepimpinan dan Penjenamaan", "Kepentingan "Sinergi" Dalam Transformasi", "Memanfaatkan Kepelbagaian Generasi", dan "Mendahulul, Menginovasi dan Perubahan Dalam Dunia yang Berhubungan". Program Wacana ini adalah kali kedua

dianjurkan oleh INTAN selepas INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor yang diadakan pada 17 — 18 Mac 2014 yang lalu.

Seminar ini bertujuan memberi peluang kepada pegawai-pegawai muda dalam menzahirkan pandangan dan idea-idea baru dalam memperkasa perkhidmatan awam. Kesempatan ini juga diharapkan dapat memberi ruang kepada pegawai-pegawai muda untuk bersama-sama tokoh yang memainkan peranan penting dalam meneraju tampuk pemerintahan negara. Dianggarkan lebih kurang 500 orang peserta menyertai wacana ini daripada pelbagai agensi awam serta komuniti setempat dengan tujuan memberi peluang kepada pegawai-pegawai muda dalam menzahirkan pandangan dan idea-idea baru dalam memperkasa perkhidmatan awam disamping memberi ruang dan pendedahan kepada pegawai-pegawai muda.

Antara tetamu jemputan khas untuk sesi perkongsian dalam wacana tersebut ialah Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman, beliau merupakan bapa kepada Allahyarham Ahmad Ammar yang meninggal dunia di Turki dan disemadikan di Perkuburan Eyub Sultan menghadap Laut Golden Horn. Tanah perkuburan ini menempatkan lebih 60 jasad para sahabat nabi, auliya', panglima Uthmaniyyah dan orang-orang kenamaan di sana, Ustaz Mohd Nazri Samsudin, Timbalan Pengarah Pusat Islam, Universiti Malaysia Pahang dan Ustaz Mohd Nidzam Abd. Kadir, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang juga merupakan penulis tetap Majalah Solusi. Manakala, empat (4) slot pembentangan kertas kerja masing-masing dibentangkan oleh wakil peserta DPA Bil. 1/2014, wakil dari SUK Terengganu, SUK Pahang dan SUK Kelantan.

Penganjuran wacana ini bersempena dengan program JPA4U@INTIM yang telah bermula dari 22 April 2014 sebagai salah satu inisiatif untuk mendekati rakyat melalui pengisian pelbagai aktiviti. Antaranya seperti demonstrasi aksi menyelamatkan di laut oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat, pameran daripada pelbagai agensi awam dan swasta yang telah melibatkan lebih kurang 40 penyertaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Jabatan Imigresen Malaysia dan sebagainya.

Turut diadakan aktiviti penghijauan Pantai Teluk Mok Nik melalui penanaman 150 anak pokok rhu di sekitar pantai yang berhadapan dengan INTAN Kampus Wilayah Timur. INTAN yang cukup sinonim sebagai institut latihan awam, mengambil inisiatif ini untuk menyemarakkan usaha ke arah merakyatkan perkhidmatan awam selaras dengan hasrat YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara bagi merapatkan jurang antara kerajaan dan rakyat. Sebagai salah sebuah institut latihan awam yang terlibat dalam 1MTC, INTAN Kampus Wilayah Timur membuka ruang dan peluang kepada umum untuk mendapat manfaat dengan penggunaan fasiliti yang ada di dalam kampus.

###

Disediakan oleh:

Unit Korporat dan Antarabangsa

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Tel: 03 2084 7205